
PEKELILING PENGURUSAN BIL. 3 TAHUN 2021

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN


Sukacita dimaklumkan pergerakan gaji tahunan seseorang pegawai adalah berasaskan pencapaian kerja tahunan sebagaimana disyaratkan dalam Perintah Am. Dalam konteks universiti ini, pergerakan gaji tahunan pegawai adalah berasaskan markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT).

2. Proses mendapatkan markah LNPT akan selesai dilaksanakan pada akhir bulan Januari setiap tahun. Oleh itu proses pergerakan gaji tahunan untuk bulan Januari tidak dapat dilaksanakan pada tempoh yang ditetapkan.
3. Sehubungan itu, adalah dimaklumkan bahawa pihak universiti bersetuju agar proses pergerakan gaji tahunan dilaksanakan secara automatik tanpa menunggu markah LNPT yang berkenaan.
4. Walau bagaimanapun, sekiranya markah LNPT yang diperoleh tidak melayakkan untuk mendapat pergerakan gaji pada tahun tersebut, maka staf berkenaan perlu memulangkan semula jumlah perbezaan pergerakan gaji yang telah diterimanya terdahulu, melalui proses potongan gaji pada bulan berikutnya.

Sekian, terima kasih.

“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”

Yang benar,



ABDUL HALIM BIN ABDUL RAHMAN

Pendaftar

☎ : 07-4537100